

314 mangsa daripada 65 keluarga di Miri, Bintulu dan Bau dipindahkan

Banjir di Sarawak semakin buruk

Oleh MULLER ASEN
muller.asen@kosmo.com.my

KUCHING - Keadaan banjir di sekitar Sarawak semakin buruk semalam apabila seramai 314 mangsa daripada 65 keluarga

dari bahagian Miri, Bintulu dan Bau telah dipindahkan ke pusat pemindahan banjir apabila kediaman mereka dinaiki air. Kesemua mangsa itu ditempatkan di empat pusat pemindahan banjir iaitu di Dewan Suarah Marudi, Sekolah Kebangsaan

Kampung Iran, Suai dan Dewan Suarah Bintulu dan Balai Raya Kampung Belimbing, Bau setakat pada pukul 5 petang semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negeri, Tan Sri Alfred Jabu Numpang berkata, bahagian yang terjejas teruk ialah Bintulu melibatkan 222 mangsa diikuti Miri seramai 72 mangsa dan Bau pula 20 mangsa

Menurutnya, keadaan hujan lebat yang berterusan menyebabkan air Batang Baram di Miri dan Batang Kemena di Bintulu melimpahi tebing dan membanjiri kawasan rendah.

"Jumlah mangsa banjir dijangka meningkat ekoran amaran hujan peringkat jingga yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia berakhir esok (hari ini)," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Timbalan Ketua Menteri itu memberitahu, pihaknya telah mengenal pasti beberapa pangkalan hadapan bagi memudahkan Jabatan Ke-



ALFRED

bajikan Masyarakat negeri menyalurkan bantuan makanan dan barangan keperluan kepada mangsa banjir.

Mengenai jalan raya yang terjejas pula, beliau berkata, pada masa ini terdapat beberapa kawasan di Miri dan Mukah terputus hubungan jalan raya berikutan kejadian tanah runtuh.

Dalam pada itu, Jabu memberitahu, dua mangsa yang dilaporkan hilang akibat perahu dinaiki mereka karam di Sungai Sebieu, Bintulu petang kelmarin berjaya diselamatkan

pasukan bomba dan penyelamat.



Sarawak pula dilanda banjir

KERATAN Kosmo! semalam



KEADAAN banjir di kawasan perumahan Padawan, Kuching, Sarawak semalam

HARI TERAKHIR untuk merebut

TAWARAN BERGANDA SSPN-i!

PROMOSI Sehingga 31 Disember 2013

Perlindungan takaful percuma
RM **100,000++**,
khairat kematian
RM **4,500** dan
pelepasan taksiran cukai sehingga
RM **6,000** setahun

Promosi PTPTN Dekat Di Hati bersama

Tarikh dan cawangan Maybank yang terlibat layari www.ptptn.gov.my

TERBUKA Kepada Semua Warganegara Malaysia

*Tertakluk kepada terma dan syarat